

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS : DAC 31802
PROGRAM : DAA
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2018/JANUARI 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BAHAGIAN A DAN
TIGA (3) SOALAN SAHAJA
DALAM BAHAGIAN B

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4) MUKA SURAT**

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 (a) **Lampiran 1** adalah perincian pelan kerja-kerja di bawah aras kemas lantai (*wblff*) bagi sebuah bangunan kecil. Dengan menggunakan format kertas dimensi tradisional, ukur kuantiti konkrit bagi item berikut:
- (i) 20 mm tebal lapisan kedap konkrit (*lean concrete*) gred 7 (10 markah)
 - (ii) Tunggul tiang (*column stump*) dengan konkrit gred 20 (10 markah)
 - (iii) Asas pad (*pad footing*) dengan konkrit gred 20 (10 markah)
- (b) Terangkan maksud kerja penggalian berikut:
- (i) Penggalian permukaan (2 markah)
 - (ii) Penggalian peparit (2 markah)
 - (iii) Penggalian lubang (2 markah)
 - (iv) Pembuangan tanah yang digali (2 markah)
 - (v) Pengambusan tanah (2 markah)

BAHAGIAN B

- S2 (a) Hubungkaitan elemen kontrak berikut dengan kontrak binaan;
- (i) Penerimaan (2 markah)
 - (ii) Balasan (2 markah)
 - (iii) Niat (2 markah)
 - (iv) Boleh dilaksanakan (2 markah)
- (b) Huraikan **dua (2)** perbezaan antara Dokumen Tender Berdasarkan Senarai Kuantiti dengan Dokumen Tender Berdasarkan Lukisan dan Spesifikasi. (4 markah)

TERBUKA

- (c) Huraikan bagaimana perkara berikut memberi kesan ke atas pemilihan kontraktor pada peringkat tender.
- (i) Keteguhan kewangan (2 markah)
 - (ii) Pengalaman kerja (2 markah)
 - (iii) Harga yang munasabah (2 markah)
 - (iv) Projek semasa (2 markah)
- S3 (a) Dengan bantuan carta hubungan kontak, huraikan jenis kontrak pembinaan berikut;
- (i) Kontrak Tradisional (5 markah)
 - (ii) Kontrak Reka dan Bina (5 markah)
- (b) Kontrak binaan boleh dikategorikan mengikut kaedah bayaran kepada kontraktor dan kaedah perolehan.
- (i) Kenalpasti **dua (2)** jenis kontrak dalam kategori mengikut kaedah bayaran kepada kontraktor. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan jenis-jenis kontrak yang dinyatakan dalam S3 (b) (i) tersebut. (8 markah)
- S4 (a) Kontraktor Aziz S/B merupakan sebuah firma kontraktor yang mempunyai reputasi kerja yang baik. Firma tersebut sedang membina sebuah projek pembinaan di Daerah Pendang, Kedah. Baru-baru ini, kejadian ribut telah merosakkan hampir 50% penutup bumbung yang telah siap dipasang. Berdasarkan Fasal 43 Borang Kontrak JKR 203A (Pin. 2010) berkaitan Kelewatan dan Lanjutan Masa, huraikan perkara berikut;
- (i) Kenalpasti sebab yang membolehkan lanjutan masa dipohon dan terangkan kewajarannya. (5 markah)
 - (ii) Jelaskan implikasi lanjutan masa ke atas projek pembinaan tersebut. (3 markah)

- (b) Fasal 13 Borang Kontrak JKR 203A (Pin. 2010), menyatakan kontraktor perlu menyerahkan sejumlah nilai kepada pihak klien dalam bentuk bon pelaksanaan atau wang jaminan pelaksanaan.
- (i) Nyatakan nilai bon pelaksanaan yang perlu diserahkan oleh kontraktor kepada klien. (2 markah)
 - (ii) Sekiranya kontraktor memilih wang jaminan pelaksanaan, jelaskan kaedah penyerahan wang tersebut. (6 markah)
 - (iii) Terangkan keperluan bon pelaksanaan dikemukakan sebelum memulakan kerja-kerja di tapak bina. (4 markah)
- S5 (a) Satu projek sekolah kerajaan telah diluluskan pembinaannya di Daerah Batu Pahat. Bagi mendapatkan jumlah anggaran peruntukan, anda dikehendaki mentaksirkan harga bangunan tersebut.
- (i) Terangkan **tiga (3)** kaedah yang sesuai digunakan dalam penyediaan anggaran kos bangunan tersebut. (9 markah)
 - (ii) Hubungkan kepentingan anggaran kos kepada pihak kontraktor. (3 markah)
- (b) Terdapat **empat (4)** elemen kos yang perlu diambilkira semasa menentukan kos kerja konkrit. Terangkan **tiga (3)** daripada elemen tersebut. (6 markah)
- (c) Kemukakan **satu (1)** sebab keperluan membuat tambahan sebanyak 50% dalam pengiraan kos bahan bagi kerja konkrit. (2 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA